

# Untuk jaya Ekonomi Baru Mahathir gesa rakyat pupuk sikap baru

**TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menyeru seluruh rakyat Malaysia memupuk dan menanam nilai baru, sikap baru serta semangat baru untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru.

Berucap di Malam Mubtahir Antarabangsa anjuran MCA di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata beliau bimbang, "sekali pun kita boleh mencapai segala hasil dari perkembangan ekonomi, kita mungkin tidak akan mendapat pencapaian yang baik

## KUALA LUMPUR, Isnin

Jika gagal menanam nilai-nilai baru itu yang membawa makna kepada kejewjutan kita serta nilai moral kepada apa juga material yang telah diperolehi."

Katanya, inti Dasar Ekonomi Baru ialah aspek kuantiti pembangunan tetapi ia "telah hampir dilupakan sekarang.

Bellau berpendapat pengalangan kepada aspek kuantiti pembangunan dalam DEB akan menjejaskan usaha-usaha pemodenan kerana kita sedang

bersedia untuk memasuki tahun lapanpuluh.

Menurut bellau, tanda-tanda yang wujud sekarang jelas membayangkan kemungkinan itu, seperti:

● Rasa benci kepada kerja keras semakin meningkat dan kekurangan perhatian terhadap kebajikan apa yang kita lakukan.

● Kurangnya kebanggaan seseorang terhadap kerjanya dan tren sekarang ialah lebih cenderung kepada meniru daripada mencipta.

● Kekurangan perhatian atau minat terhadap kebajikan awam

dan lain-lain lagi.

Bellau menganggap timbulnya keadaan demikian adalah kekurangan kekuatan moral pada orang-orang yang tidak mahu mengagku adanya masalah itu sekalipun masalah itu adalah masalah yang memang wujud.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, para pemimpin masyarakat, baik dalam bidang perniagaan, sektor kerajaan ataupun awam atau pun dalam pertumbuhan-perubahan masyarakat, mempunyai tanggungjawab mengukil masalah ini dan memainkan peranan mereka untuk mengatasinya.

"Sekalipun kita bekerja dari satu rancangan nasional kepada yang lain, kita tidak mahu melihat suatu generasi Malaysia berkembang di mana hak dan tanggungjawab diputarbelikan maknanya untuk mereka, dan juga orang perseorangan mengagap atau menyangka masyarakat ini terbutang sesuatu kepadanya."

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan rakyat Malaysia mestilah menyedari akan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat, bersedia untuk memberi sumbangan melaksanakan mereka yang menentang mereka yang cuba menentangnya.

## Menilai

Katanya, kita mesti menilai atau menghalang mereka yang berjuang untuk kebajikan dan mengalu-alukan orang yang boleh mengatasinya.

"Kita mesti menentang sebarang perbuatan rasuah.

"Di mana-mana juga, semangat penglibatan yang lebih besar mesti diwujudkan untuk kerja cilik kerja yang baru dan mencari pendekatan yang lebih saintifik terhadap masalah-masalah yang wujud," tambah bellau.

Kata bellau, jika rakyat jelata sanggup memainkan peranan masing-masing di samping mengagap pertumbuhan ekonomi, maka "kita akan berjaya menyusun semula masyarakat menjelang tahun 1990 dan menambatkan kestabilan serta keupayaan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat."

Timbalan Perdana Menteri berkata sejarah telah menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi sahaja tidaklah cukup bagi sebuah negara untuk mencapai kemajuan ke arah modernisasi.

"Ia mesti disertai dengan orientasi semula dalam pemikiran dan etik kerja rakyatnya, serta satu kesedaran baru yang boleh memberi semangat, tujuan dan makna kepada kemajuan material yang sedang ditusahakan."

Timbalan Perdana Menteri berkata, DEB mesti diteruskan, ia bukanlah satu dasar yang memberi apa-apa kelebihan kepada kaum golongan tertentu, tetapi satu dasar untuk negara Malaysia.

No Siri ..... 2161  
No Penerimaan ..... 337/82

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia